

20 DEC 2002

Chan-SUPP/I

SUPP AKAN MODENKAN PARTI AGAR RELEVAN DENGAN POLITIK NEGERI DAN NASIONAL

KUCHING, 20 Dis (Bernama) -- Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) akan memodenkan aspek-aspek tertentu parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak itu bagi menjadikannya lebih relevan dengan politik negeri dan nasional, kata Presidennya Tan Sri Dr George Chan hari ini.

Dr Chan, yang juga timbalan ketua menteri Sarawak telah menerajui parti itu untuk penggal ketiga berturut-turut.

"Kami (SUPP) akan membuat perubahan terhadap struktur organisasi dan menyusun semula diri kami di beberapa aspek," katanya kepada pemberita pada akhir persidangan perwakilan tiga tahun sekali (TDC) ke-19 parti itu di sini.

Beliau berkata satu lagi keutamaan ialah untuk menambah keanggotaan terutamanya di kalangan golongan muda.

Mengenai barisan Jawatankuasa Kerja Pusat SUPP (CWC) yang baru, beliau berkata dengan pengecualian beberapa muka baru, tidak akan ada pertandingan bagi jawatan tinggi atas persetujuan para perwakilan parti.

"Saya sentiasa menyatakan bahawa kepimpinan bukan hanya mengenai satu orang tetapi kita berfungsi sebagai satu pasukan dan biasanya tiada siapa mahu sebarang perubahan sekiranya pasukan itu baik ...Sudah tentu, ada beberapa orang baru (dalam SUPP) hanya untuk menyemarakkan lagi parti," katanya.

Resolusi yang diterima pakai pada TDC termasuk menggesa kerajaan persekutuan mengiktiraf sijil peperiksaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina serta menyediakan peruntukan tahunan bagi semua aliran pendidikan di negara ini yang berusaha untuk membantu pembangunan sumber manusia.

TDC juga menyokong kepimpinan parti pusat dalam mengendalikan isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik di sekolah-sekolah rendah Cina.

Pihak berkuasa yang relevan juga digesa untuk mengawasi dan mengambil tindakan perlu terhadap kegiatan menangkap ikan secara haram oleh nelayan asing di perairan Sarawak kerana ia menjejaskan kehidupan nelayan tempatan dan menjejaskan sumber marin negeri.

Ia juga menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bakal penggantinya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam meneruskan usaha membina negara ini.

Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Negeri Datuk Sim Kheng Hui dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding, masing-masing dikekalkan sebagai setiausaha agung dan timbalan presiden.

Menteri Muda Pertanian dan Industri Makanan Datuk David Teng mengekalkan jawatannya sebagai bendahari.

Turut dikekalkan sebagai pengerusi dan naib presiden Bahagian Wanita ialah Datin Janet Lau manakala Alan Sim dilantik sebagai pengerusi dan naib presiden Bahagian Pemuda.

Empat lagi naib presiden ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya Datuk Yong Khoo Seng, Tiong Thai King, Robert Lau and Lily Yong.

Menteri Muda Pengurusan dan Perancangan Sumber Datuk Alfred Yap adalah setiausaha maklumat dan publisiti.

-- BERNAMA

CJ RHM